

07 MAR 1998

Sulaiman-siasat

UMNO BAHAGIAN BATU DISIASAT KERANA DAKWAAN POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- UMNO Bahagian Batu, satu daripada 27 bahagian seluruh negara yang diletakkan di bawah pengawasan Majlis Tertinggi menjelang pemilihan parti bulan ini, sedang disiasat kerana politik wang, kata Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Sulaiman Mohamed.

"Saya dengar ia melibatkan puluhan ribu ringgit...tetapi siasatan masih dijalankan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pesta hari keluarga persatuan ibu bapa dan guru Sekolah Menengah Jalan Cochrane di sini.

Katanya, siasatan dijalankan pada peringkat Badan Perhubungan dan Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kalau ada bukti dan orang terlibat dikenal pasti, kita tidak akan kompromi...biar orang nampak yang kita benar-benar serius mahu menangani masalah penyelewengan dan politik wang," kata Sulaiman, yang juga Timbalan Menteri Penerangan.

Selain Batu, bahagian lain dalam Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah pengawasan Majlis Tertinggi ialah Bahagian Bandar Tun Razak. Bagaimanapun, beliau tidak menghuraikan kenapa bahagian itu diletakkan di bawah pengawasan MT.

Sulaiman berkata seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO, parti perlu mengambil tindakan terhadap gejala seumpama itu.

"Siapa nak percaya dengan UMNO kalau ahli-ahli parti nak rebut jawatan dengan menggunakan duit," katanya.

Katanya Badan Perhubungan Wilayah Persekutuan menerima banyak aduan bukan sahaja daripada bahagian Batu tetapi bahagian-bahagian lain tetapi setiap aduan itu perlu disiasat bagi mengelak penganiayaan.

Ketika berucap di majlis itu, Sulaiman menasihatkan pelajar supaya terus menimba ilmu walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

"Biar ibu bapa dan kerajaan memikirkan masalah ekonomi tetapi bagi pelajar, mereka harus terus berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan," katanya. --BERNAMA

ARA MAI